



BARU Bian (tengah), bersama peserta Akademi Binaan selepas merasmikan Jelajah TVET Pembinaan Edisi Terengganu di ABM, semalam.

Kuala Berang: Ada dalam kalangan pelajar Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) lepasan Akademi Binaan Malaysia (ABM) mendapat pekerjaan di luar negara yang menawarkan gaji mencecah RM30,000 sebulan.

Malah, 70 peratus daripada lebih 40,000 pelajar TVET terbabit mendapat tempat dalam pasaran kerja, setiap tahun.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian berkata, sebahagian daripadanya juga mendapat peluang pekerjaan dengan syarikat antarabangsa di luar negara dengan tawaran gaji cukup lumayan.

Katanya, ia membuktikan bidang kemahiran terutama yang ditawarkan di ABM memberi banyak kelebihan kepada pelajar kurang cemerlang dalam akademik, malah sesetengahnya mem-

peroleh pendapatan jauh lebih tinggi daripada graduan universiti.

"Kami ada enam ABM di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak dan fokus kita untuk melatih anak muda dan belia dalam bidang TVET dengan memberi tumpuan kepada kursus binaan berimpak tinggi.

"Ia termasuk antaranya dalam bidang kimpalan, pe-

ranch, elektrik, perpaipan gas, operasi kren dan operasi pelan. Ramai pelatih kami yang keluar dari ABM mempunyai peluang pekerjaan cerah di dalam dan luar negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan Jelajah TVET (Latihan Teknikal dan Vokasional) Pembinaan Edisi Terengganu di Akademi Binaan Malaysia (ABM), semalam.

M / MS 29
20/10/2019